



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

☐ Menu[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#)

Bernama - COVID-19: GLC Sumbang RM60 Juta Kepada Kementerian
Kesihatan

☐ Isnin, Mac 23 2020☐ ☐

KUALA LUMPUR,23 Mac -- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah memberi sumbangan bernilai kira-kira RM60 juta dalam bentuk perubatan, peralatan perubatan serta peralatan perlindungan diri (PPE) kepada Kementerian Kesihatan (KKM).

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Aziz berkata sektor korporat turut disarankan untuk mengikuti teladan GLC kerana semua pihak perlu memainkan peranan bagi memastikan negara kita berjaya menangani wabak COVID-19.



"Kerajaan menyambut baik sumbangan dan derma yang dibuat oleh rakyat Malaysia serta sektor korporat dalam bersama-sama membantu menangani wabak tersebut," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Sehubungan ini, beliau berkata kementerian telah meluluskan potongan cukai bagi sumbangan dan derma dalam bentuk tunai dan barangan yang dibuat kepada Tabung COVID-19 dan KKM.

Tengku Zafrul berkata proses penyediaan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Kedua 2020 sedang giat dijalankan dan akan mengambilkira maklumbalas dari pelbagai pihak berkepentingan demi memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan syarikat sektor swasta dan kedayatahan ekonomi negara dalam berdepan dengan cabaran COVID-19 serta ketidakpastian ekonomi global.

Ia merupakan tambahan kepada pakej rangsangan RM20 bilion yang diumumkan pada bulan Februari lepas.

Katanya rakyat Malaysia juga turut dijemput memberi maklumbalas untuk Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua melalui portal rasmi Kementerian Kewangan di <http://pre2020.treasury.gov.my/>

Beliau berkata beberapa inisiatif yang diumumkan pada bulan Februari lepas kini sedang berjalan lancar.

Antaranya ialah pengecualian cukai perkhidmatan untuk perhotelan berkuat kuasa 1 Mac, 2020 dan penjadualan dan penstrukturan semula pinjaman oleh institusi kewangan bagi peminjam-peminjam yang terjejas, terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan golongan B40.

Selain itu, inisiatif itu turut melibatkan dana pinjaman mudah sebanyak RM3.3 bilion disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk



- ☐ BISNES
- ☐ AGENSI
- ☐ WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan <
Atas Talian

Aplikasi Mudah
Alih

Laman <
Mikro

e-Penyertaan <
&
Maklumbalas

Statistik & <
Prestasi

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami

Kementerian
Kewangan
Malaysia



membantu PKS mengekalkan operasi perniagaan, melindungi pekerjaan dan menggalakkan pelaburan domestik, katanya. Selain itu, persiapan bagi langkah-langkah utama yang disasarkan untuk berkuatkuasa pada 1 April 2020 sedang berjalan lancar.

"Ini termasuklah langkah penangguhan bayaran ansuran bulanan cukai pendapatan bagi industri pelancongan, pengurangan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta pemberian diskaun bil elektrik. Berdasarkan peruntukan langsung kerajaan sebanyak RM3.2 bilion yang disediakan di bawah PRE 2020, sehingga 23 Mac 2020, sebanyak RM1.7 bilion telah disalurkan kepada kementerian dan agensi yang berkenaan," katanya.

-- BERNAMA

No. 5 Persiaran
Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran
Kerajaan
Persekutuan,
62592 WP
PUTRAJAYA

☐ 03-8000 8000

☐ 03-88823893 /

03-88823894



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

Hakcipta Terpelihara © 2020 Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.

Kemaskini terakhir: **18 Mac 2021** | Jumlah Pelawat: **27637216**

KONSOL DEBUG JOOMLA!

Sesi

Maklumat Profil

Penggunaan Memori

Pertanyaan Pangkalan data